



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 4

19hb Februari 2004

TAMBAHAN No. 22
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 70.

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

**KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(1)(k) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Makhluk Perosak) 2004**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, atau peruntukan yang berlainan dalam Kaedah-Kaedah ini, di bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“di bawah penyeliaan”, berhubung dengan pengendalian kawalan makhluk perosak yang dijalankan oleh seseorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, ertinya bertindak di bawah arahan dan kawalan seorang pemakai

P.U. (A) 77.

AKTA PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN BERSALING 1958

**PERINTAH PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN BERSALING
(PELUASAN BAHAGIAN II) 2003**

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 34 yang disiarkan pada 22 Januari 2004—

- (a) Gantikan perkataan “2003” yang terdapat dalam tajuk dengan perkataan “2004”; dan
- (b) gantikan perkataan “2003” yang terdapat dalam perenggan 1 dengan perkataan “2004”.

RECIPROCAL ENFORCEMENT OF JUDGEMENTS ACT 1958

**RECIPROCAL ENFORCEMENT OF JUDGEMENTS
(EXTENSION OF PART II) ORDER 2003**

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 34 published on 22 January 2004—

- (a) substitute for the word “2003” appearing in the title the word “2004”; and
- (b) substitute for the word “2003” appearing in paragraph 1 the word “2004”.

[JPN(R)185/86; PN(PU²)533]

P.U. (A) 78.

**AKTA PERINTAH NAFKAH (KEMUDAHAN BAGI
PENGUATKUASAAN) 1949**

**PERINTAH NAFKAH (KEMUDAHAN BAGI PENGUATKUASAAN)
(PELUASAN AKTA) 2003**

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 33 yang disiarkan pada 22 Januari 2004—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan—
 - (i) masukkan perkataan “PERINTAH” sebelum perkataan “PERINTAH NAFKAH” yang terdapat pada subtajuk; dan
 - (ii) masukkan perkataan “Perintah” sebelum perkataan “Perintah Nafkah” yang terdapat dalam perenggan 1;

- (b) gantikan perkataan “2003 yang terdapat pada subtajuk dengan perkataan “2004”; dan
- (c) gantikan perkataan “2003 yang terdapat dalam perenggan 1 dengan perkataan “2004”.

MAINTENANCE ORDERS (FACILITIES FOR ENFORCEMENT)
ACT 1949

MAINTENANCE ORDERS (FACILITIES FOR ENFORCEMENT)
(EXTENSION OF THE ACT) ORDER 2003

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 33 published on 22 January 2004—

- (a) in the national language text—
 - (i) insert the word “PERINTAH” before the words “PERINTAH NAFKAH” appearing in the subtitle; and
 - (ii) insert the word “Perintah” before the words “Perintah Nafkah” appearing in paragraph 1;
- (b) substitute for the word “2003” appearing in the subtitle the word “2004”; and
- (c) substitute for the word “2003” appearing in paragraph 1 the word “2004”.

[JPN(R)185/86; PN(PU²)621]

P.U. (A) 79.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT)
(PINDAAN) (No. 2) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 2) 2004**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 19 Februari 2004.